



PERPADUAN & KEHARMONIAN BERTERASKAN MAQASID SYARIAH



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



KANDUNGAN 02

OBJEKTIF

- i panduan kepada pembuat dasar, pelaksana dan masyarakat berkenaan perpaduan dan keharmonian berteraskan Maqasid Syariah.
- ii panduan bagi menjadikan Maqasid Syariah sebagai mekanisme yang mampan dan realistik ke arah pengukuhan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; dan
- iii panduan bagi membentuk keharmonian dan saling menghargai hubungan dalam masyarakat pelbagai agama dan kaum dalam rangka pembangunan modal insan yang bernilai tinggi ke arah Perpaduan Nasional.

KANDUNGAN 03

PERPADUAN DAN MAQASID SYARIAH

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan perpaduan berasal daripada kata akar "padu", iaitu yang bererti bergantung, bersatu, bercampur untuk menjadi satu, kukuh dan utuh, bermuafakat dan berunding dengan bersungguh-sungguh.

Maqasid Syariah merujuk kepada tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syarak bagi merealisasikan kemaslahatan manusia (al-Raysuni, 1999). Kepentingan meletakkannya sebagai matlamat akhir adalah kerana ia terbina atas asas yang kukuh (thabit) berlandaskan dasar tauhid yang satu.

Imam al-Ghazali merumuskan lima perkara yang menjadi objektif Syariah, iaitu memelihara kemaslahatan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Semua asas kebaikan dalam kehidupan manusia termasuk haiwan, tumbuh-tumbuhan dan khazanah alam seluruhnya, terhimpun dalam lima perkara ini.

KANDUNGAN 04

CABARAN UNTUK MENCAPAI KEHARMONIAN ANTARA KAUM DAN AGAMA

4.1 CABARAN LUARAN:

- 4.1.1 Ideologi yang berbeza di samping persaingan politik kepartian.
- 4.1.2 Kewujudan sistem pendidikan yang berbeza.
- 4.1.3 Jurang sosio ekonomi yang ketara.
- 4.1.4 Media sosial dan media massa

4.2 CABARAN DALAMAN:

- 4.2.1 Hawa nafsu yang lahir akibat sifat keinginan untuk mencapai kepentingan diri
- 4.2.2 Perbezaan pendapat kerana mencari kebenaran yang lahir dari sumber kebenaran ilmu, kehendak akal dan desakan iman
- 4.2.3 Pujian dan celaan yang lahir dari penilaian kepada sesuatu kepercayaan dan pegangan.

KANDUNGAN 05

TERAS KESEJAHTERAAN PERPADUAN ANTARA KAUM DAN AGAMA

- 5.1 Menghormati Hak dan Keberadaan Pelbagai Kaum dan Agama.
- 5.2 Mengiktiraf Hak Kebebasan Beragama
- 5.3 Memperbanyakkan Interaksi dan Dialog Dengan Semangat Muhibbah

KANDUNGAN 05

TERAS KEPEDULIAN INTERAKSI DAN IHSAN ANTARA KAUM

- 6.1 Pengukuhan Interaksi dan Perhubungan Antara Kaum
- 6.2 Mengukuhkan Persaudaraan
- 6.3 Membina Ekosistem Hidup Yang Bermuafakat Untuk Mengajak Kepada Kebaikan dan Mencegah Kejahatan.

KANDUNGAN 06

KEPENTINGAN PERPADUAN

Perpaduan merupakan faktor penting dalam masyarakat berbilang agama, bangsa dan budaya seperti Malaysia. Rakyat haruslah berlitzam dan bersatu hati untuk mendepani sebarang cabaran yang mendarat, yang mampu menggugat keharmonian serta kemakmuran negara. Perpaduan adalah diibaratkan sebagai tiang kepada kestabilan, keamanan dan kedamaian negara

KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN

2.0 OBJEKTIF

3.0 PERPADUAN DAN MAQASID SYARIAH

**4.0 CABARAN UNTUK MENCAPAI
KEHARMONIAN ANTARA KAUM DAN AGAMA**

**5.0 TERAS KESEJAHTERAAN PERPADUAN
ANTARA KAUM DAN AGAMA**

**6.0 TERAS KEPEDULIAN INTERAKSI DAN
IHSAN ANTARA KAUM**

7.0 KEPENTINGAN PERPADUAN

8.0 KESIMPULAN

9.0 RUJUKAN

1.0 PENDAHULUAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya. Kepelbagaian masyarakat Malaysia ini lahir daripada pengalaman sejarah Malaysia yang unik dan tersendiri. Proses pembangunan yang dilalui dan kemajuan yang dicapai oleh negara sehingga hari ini adalah hasil penyesuaian yang dilakukan terhadap aspek-aspek kepelbagaian dari segi sosial, ekonomi dan politik. Pelbagai langkah telah dilakukan oleh pelbagai pihak dalam memastikan Malaysia dapat berkembang maju ke hadapan tanpa dihambat oleh faktor perbezaan agama, budaya dan kaum.

Walaupun Malaysia merupakan sebuah negara majoriti Muslim dan Islam merupakan agama bagi Persekutuan; agama-agama lain boleh diamalkan oleh masyarakat bukan Islam dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Hal ini termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Oleh yang demikian, masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia perlu diberi kefahaman

bahawa Islam meraikan kepelbagaian sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan Kamu)". (Al-Hujurat: 13).

Ayat ini menggambarkan usaha dalam membina model masyarakat majmuk yang berupaya hidup secara toleransi dan harmoni. Kejadian umat manusia yang berasal dari Nabi Adam AS wajar dijadikan tunjang pengukuhan hubungan dalam realiti kepelbagaian. Perbezaan yang wujud dalam kalangan kelompok manusia hari ini harus dijadikan

dimensi yang menampakkan keistimewaan setiap kumpulan dan ruang untuk semuanya bertindak saling melengkapi secara harmoni. Sebagai satu cara hidup yang komprehensif, Islam tidak mengecualikan sebarang ruang kehidupan manusia dan meletakkan kaedah serta prinsip yang jelas dalam mengurus aspek tersebut.

Hubungan antara orang Islam dan bukan Islam dalam konteks kehidupan bersama dalam sesebuah negara merupakan antara aspek yang sangat penting pada zaman ini. Syariat Islam telah menggariskan kaedah dan prinsip yang jelas berkaitan kehidupan bersama (*ta’ayush*). Rasulullah SAW merupakan qudwah terbaik dan uswah hasanah yang wajib ke atas orang-orang Islam mengikutinya. Baginda SAW telah menunjukkan beberapa kaedah dan prinsip *al-ta’ayush* bersama orang lain dalam banyak keadaan, zaman dan tempat.

Malahan Tamadun Islam yang terbina selepas kewafatan Rasulullah SAW juga menekankan kepada pemeliharaan keamanan dan keharmonian di dalam hubungan umat Islam dengan masyarakat bukan Islam sebagai asas kepada Tamadun tersebut. Piagam Madinah yang dimeterai pada Tahun Pertama Hijrah bersamaan 622M telah menggariskan 23 fasal yang membicarakan perihal hubungan antara umat Islam iaitu antara Ansar dan Muhajirin dan 24 fasal yang berbaki membicarakan tentang hubungan umat Islam dengan golongan bukan Islam. Antara kandungan Sahifah Madinah yang relevan adalah seperti berikut:

Fasal 1: Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Penyayang: Inilah kitab (Piagam Bertulis) daripada Nabi Muhammad SAW, pesuruh Allah bagi orang-orang yang beriman dan orang-orang yang memeluk Islam dari Quraisy dengan penduduk Yathrib dan orang-orang yang bersama mereka lalu masuk ke dalam golongan mereka dan berjuang bersama-sama mereka;

Fasal 2: Bahawa mereka adalah satu umat (bangsa) berbeza dari manusia-manusia lain (*innahum ummatun wahidatun min duninnas*);

Fasal 16: Bahawa orang-orang Yahudi yang menyertai kita hendaklah mendapatkan pertolongan dan pimpinan dengan tidak menzalimi dan tidak boleh ada pakatan tidak baik terhadap mereka;

Fasal 18: Bahawa setiap serangan kita hendaklah dikira sebagai serangan terhadap semua, oleh itu hendaklah disilihgantikan tenaga menentangnya;

Fasal 25: Bahawa kaum Yahudi dari Bani Auf adalah satu ummah bersama orang-orang mukmin (*wa-inna Yahuda Bani 'Awfummatus ma'a I-mu'minin*), mereka bebas dengan agama mereka sendiri (Yahudi) dan orang Islam dengan agama mereka (Islam), begitu juga orang-orang yang sekutu mereka dan begitu juga diri mereka sendiri, melainkan sesiapa yang zalim dan berbuat dosa

maka hal itu tidak akan menimpa melainkan dirinya dan keluarganya sendiri;

Fasal 45: Apabila mereka diajak untuk berdamai atau untuk masuk campur dalam satu-satu perdamaian maka hendaklah mereka bersedia berdamai atau masuk campur ke dalam perdamaian itu; dan bila mana mereka diajak berbuat demikian maka orang-orang mukmin hendaklah merestuinya kecuali terhadap orang-orang yang memerangi agama (Islam);

2.0 OBJEKTIF

Dokumen ini dibangunkan sebagai:

- 2.1 panduan kepada pembuat dasar, pelaksana dan masyarakat berkenaan perpaduan dan keharmoniaan berteraskan Maqasid Syariah.

- 2.2 panduan bagi menjadikan Maqasid Syariah sebagai mekanisme yang mampan dan realistik ke arah pengukuhan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; dan

- 2.3 panduan bagi membentuk keharmonian dan saling menghargai hubungan dalam masyarakat pelbagai agama dan kaum dalam rangka pembangunan modal insan yang bernilai tinggi ke arah Perpaduan Nasional.

3.0 PERPADUAN DAN MAQASID SYARIAH

Dalam konteks Malaysia, ciri-ciri kemajmukan masyarakatnya membentuk satu entiti sosial yang unik. Sejarah membuktikan bahawa penjajahan oleh kuasa-kuasa asing di Tanah Melayu adalah antara faktor menyumbang kepada kewujudan kepelbagaian kelompok etnik, agama dan bangsa dalam negara ini. Justeru, kepelbagaian yang sudah terbentuk ini perlu dilihat sebagai satu sumber


kekuatan kepada kemakmuran kesejahteraan negara. Dalam hal ini, aspek yang perlu dititik beratkan adalah perpaduan, keharmonian dan kerjasama dalam kalangan masyarakat berbilang agama dan kaum di Malaysia hari ini sebagai kunci utama kepada pembangunan dan kejayaan negara.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan perpaduan berasal daripada kata akar “padu”, iaitu yang bererti bergantung, bersatu, bercampur untuk menjadi satu, kukuh dan utuh, bermuafakat dan berunding dengan bersungguh-sungguh.

Dalam konteks perpaduan di Malaysia, usaha ini harus bermula dengan memperkuatkannya asas kenegaraan iaitu meletakkan Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan Agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan. Pelbagai usaha dan perancangan telah dibuat untuk memastikan penerapan dan

pengamalan Islam dalam pentadbiran negara serta meletakkan Islam sebagai panduan utama kepada usaha mewujudkan keamanan yang dilaksanakan secara syumul. Pelbagai pengiktirafan dan kejayaan telah dicapai di persada antarabangsa yang membuktikan kejayaan kerajaan dalam mengurus negara dalam keadaan aman dan harmoni. Tanpa perpaduan, sudah tentu negara akan terdedah kepada ancaman yang boleh menjelaskan kedaulatan dan ketenteraman negara.

Pendekatan yang mampan dalam menguruskan kepelbagaian dan interaksi dalam masyarakat di Malaysia ini boleh dicapai melalui pendekatan Maqasid Syariah.



Maqasid Syariah merujuk kepada tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syarak bagi merealisasikan kemaslahatan manusia (al-Raysuni, 1999). Kepentingan meletakkannya sebagai matlamat akhir adalah kerana ia terbina atas asas yang kukuh (*thabit*) berlandaskan dasar tauhid yang satu.

Imam al-Ghazali merumuskan lima perkara yang menjadi objektif Syariah, iaitu memelihara kemaslahatan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Semua asas kebaikan dalam kehidupan manusia termasuk haiwan, tumbuh-tumbuhan dan khazanah alam seluruhnya, terhimpun dalam lima perkara ini.

Menerusi pendekatan Maqasid Syariah, perpaduan masyarakat juga adalah merupakan tunjang bagi keamanan dan keharmonian negara yang akhirnya membawa kepada pemeliharaan 5 objektif maqasid tersebut. Justeru, Islam menolak sebarang bentuk hubungan kemasyarakatan yang boleh menimbulkan elemen permusuhan seperti tughyaan (keganasan), fasaad (kerosakan), `udwaan (permusuhan), dan israaf (pembaziran). Sebaliknya ia harus berasaskan kepada usaha mencegah kejahatan dan menyeru ke arah kebaikan.

Oleh yang demikian, 5 prinsip utama iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta perlu diletakkan sebagai asas dalam kerangka panduan yang strategik, agar kemaslahatan fizikal dan spiritual dapat dirasai oleh setiap warganegara. Prinsip-prinsip ini akan melestarikan kesejahteraan hidup semua warganegara dan menyantuni kemanusiaan melalui kepemimpinan berkesan dan berintegriti, masyarakat yang berakhhlak, berilmu, penyayang dan bersatu padu.

Islam juga menekankan kepada elemen *karamatul insan* (kemuliaan manusia) dalam kandungan syariat bagi memenuhi setiap kehendak dan keperluan manusia. Penekanan kepada aspek kemuliaan insan ini amat sesuai untuk diamalkan bagi memupuk rasa kebersamaan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, etnik mahupun agama di samping dapat membuka ruang yang luas kepada keharmonian dan kesatuan masyarakat di negara ini secara keseluruhan.

Dunia hari ini sedang berhadapan dengan situasi “*excellence without soul*” iaitu kemajuan dan kecemerlangan tetapi terasing jauh daripada nilai-nilai murni dan prinsip-prinsip moral. Kemajuan dicapai tanpa mempedulikan hubungan dengan Tuhan Maha Pencipta serta meminggirkan hubungan sesama manusia. Nilai-nilai tauhidik, spiritualistik, humanistik dan maqasidik diabaikan demi pembangunan dan kemajuan, akibat acuan sekular.

Kesungguhan Kerajaan terhadap pelaksanaan Maqasid Syariah akan menyuburkan lagi implementasi tiga nilai utamanya iaitu 'adalah (keadilan), insaniyyah (kemanusiaan) dan maslahah (kebaikan) yang diyakini mampu membangunkan masyarakat Madani ke arah kecemerlangan serta menghayati nilai-nilai *rabbaniyyah* dan *insaniyyah* (meletakkan Allah SWT sebagai keutamaan dan panduan dalam segala amalan, perbuatan serta matlamat hidup dan diniatkan semata-mata kerana-Nya) dalam apa juar bidang kehidupan.

4.0 CABARAN UNTUK MENCAPAI KEHARMONIAN ANTARA KAUM DAN AGAMA

Terdapat pelbagai cabaran yang mampu mengancam usaha-usaha perpaduan dan keharmonian antara kaum dan agama di negara ini. Cabaran-cabaran ini wujud dari segi luaran dan dalaman pada masyarakat seperti berikut:

4.1 Cabaran Luaran:

- 4.1.1 Lanskap politik negara yang mempunyai beragam ideologi yang berbeza di samping persaingan politik kepartian.
- 4.1.2 Kewujudan sistem pendidikan yang berbeza.
- 4.1.3 Jurang sosio ekonomi yang ketara.
- 4.1.4 Media sosial dan media massa.

:

4.2 Cabaran Dalaman

- 4.2.1 Perbezaan pendapat kerana hawa nafsu yang lahir akibat sifat keinginan untuk mencapai kepentingan diri;
- 4.2.2 Perbezaan pendapat kerana mencari kebenaran yang lahir dari sumber kebenaran ilmu, kehendak akal dan desakan iman; dan
- 4.2.3 Perbezaan pendapat akibat pujian dan celaan yang lahir dari penilaian kepada sesuatu kepercayaan dan pegangan.

5.0 TERAS KEHARMONIAN ANTARA KAUM DAN AGAMA

Antara teras dalam mengekalkan keharmonian antara kaum dan agama di Malaysia adalah:

5.1 Menghormati Hak dan Keberadaan Pelbagai Kaum dan Agama.

- 5.1.1 Saling memahami, mengenali dan menyantuni kepelbagaiannya;

5.1.2 Menghormati agama dan budaya kaum yang lain;

5.1.3 Berusaha mencari titik persamaan terhadap nilai-nilai murni yang dipersetujui bersama di sebalik perbezaan sistem kepercayaan, budaya, ideologi dan pendapat; dan

5.1.4 Mengelakkan perbalahan, cemuhan dan penghinaan antara agama sepertimana yang dilarang dalam Islam.

5.2 Mengiktiraf Hak Kebebasan Beragama

5.2.1 Mengiktiraf Islam sebagai agama tertinggi sesuai dengan semangat Perlembagaan Persekutuan;

5.2.2 Mengiktiraf hak kebebasan individu untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap agama masing-masing; dan

5.2.3 Ini termasuklah hak orang bukan Islam untuk memilih agama yang diyakini dan tidak boleh dipaksa menganut agama lain.

5.3 Memperbanyakkan Interaksi dan Dialog Dengan Semangat Muhibbah

5.3.1 Mengamalkan semangat muhibbah sebagai satu pendekatan penting dalam konteks interaksi dalam masyarakat majmuk dengan menghormati kepelbagaiannya pandangan, berpandukan maklumat yang benar serta menjauhi sifat fanatik dan buruk sangka;

5.3.2 Bertolak ansur, saling menghormati dan bersikap adil - seimbang (wasatiyyah) berasaskan adab perbezaan pandangan dalam perbincangan dan pertukaran pendapat; dan

5.3.3 Memastikan interaksi dan dialog dilaksanakan dalam keadaan tertib dan tidak mendatangkan kerosakan atau kemudaratan kepada diri dan masyarakat.

6.0 TERAS KEPEDULIAN INTERAKSI DAN IHSAN ANTARA KAUM

Teras kepedulian interaksi dan ihsan juga penting dalam merealisasikan perpaduan antara kaum antaranya:

6.1 Pengukuhan Interaksi dan Perhubungan Antara Kaum

6.1.1 Mengakui bahawa manusia bermula dari satu keluarga;

6.1.2 Menyedari dan menginsafi bahawa manusia ini berasal dari keturunan yang sama;

- 6.1.3 Menguruskan perbezaan dengan semangat perpaduan;
- 6.1.4 Mengangkat martabat kemuliaan insan sesuai dengan kemuliaan fitrah dan kejadiannya;
- 6.1.5 Memelihara maruah dan kedudukan manusia selari dengan peranan mereka sebagai Khalifah (insan yg diamanahkan atau dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia ini mengikut syariat);
- 6.1.6 Mengaplikasikan nilai sejagat yang dikongsi bersama sebagai landasan memupuk keharmonian dan perpaduan berdasarkan titik persamaan dalam aspek keyakinan yang berpaksikan nilai, moral dan akhlak; menuju Malaysia yang maju secara mampan; dan

6.17 Mengelakkan penyebaran keburukan atau kelemahan seseorang sesuai dengan hakikat kemuliaan insan.

6.2 Mengukuhkan Persaudaraan

6.2.1 Mengukuhkan hubungan dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama dan berusaha untuk mendamaikan setiap perbezaan pandangan

6.2.2 Mengamalkan sikap keterbukaan dan menghormati perbezaan pandangan dan pendirian agama lain serta kebebasan asasi dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan yang tidak bertentangan dengan kehendak syarak; dan

6.2.3 Memupuk rasa kasih sayang dan hormat menghormati antara manusia.

6.3 Membina Ekosistem Hidup Yang Bermuafakat Untuk Mengajak Kepada Kebaikan dan Mencegah Kejahatan.

- 6.3.1 Memanfaatkan potensi tadbir urus yang ada pada setiap individu dalam usaha membina sebuah keluarga Malaysia yang harmoni secara kolektif
- 6.3.2 Meningkatkan keupayaan dan kemahiran potensi diri melalui penyelidikan dan inovasi dalam memberikan manfaat kepada keluarga, organisasi dan negara;
- 6.3.3 Memastikan kebersamaan dalam proses pembuatan hukum berlandaskan prinsip Syura dan menjadikan ahli pakar sebagai rujukan serta mengambil kira maklum balas, sumbang saran atau aduan bagi mencapai tujuan yang ditetapkan;

- 6.3.4 Melaksanakan tanggungjawab secara adil, saksama dan ihsan dalam memenuhi hak diri sendiri serta hak orang lain tanpa mengira agama dan bangsa serta menghormati pendirian individu bagi menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat;
- 6.3.5 Menggalas tanggungjawab dengan penuh amanah sebagai khalifah yang mentadbir dalam ruang lingkup kedudukan sebagai ahli keluarga, pekerja, pemimpin dan sebagainya di samping berintegriti terhadap semua keputusan serta tindakan yang dibuat;
- 6.3.6 Bersatu padu untuk membanteras perkara yang boleh memudaratkan pegangan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta;
- 6.3.7 Memelihara keseimbangan dalam kepelbagaian ekosistem alam; dan

6.3.8 Saling membantu dalam melaksanakan perkara-perkara makruf dan mengelakkan perkara-perkara yang membawa permusuhan serta persengketaan.

7.0 KEPENTINGAN PERPADUAN

7.1 Menjamin keamanan dan keharmonian tanpa perjudis dalam kalangan masyarakat majmuk. Ini mampu menyatukan pemikiran dan hati masyarakat untuk bersatu padu.

7.2 Membolehkan Malaysia mencapai status negara maju dengan kepesatan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan serta berjaya meningkatkan pendapatan per kapita negara di samping menyediakan pelbagai peluang pekerjaan.

7.3 Mengelakkan berlaku konflik atau perpecahan disebabkan perbezaan kaum dan agama. Perpaduan amat penting agar tidak

membuka ruang kepada diskriminasi, prejudis dan sangka buruk dalam masyarakat di samping dapat membina keyakinan menyeluruh yang mencerminkan sikap bertanggungjawab semua pihak sama ada kepimpinan mahupun rakyat khususnya dalam menjalankan amanah serta memeliharanya daripada dikhianati. Keyakinan dan kepercayaan sesama rakyatlah yang akan memperbaharui tekad kita untuk membina sebuah Malaysia yang lebih adil dan madani.

7.4 Mewujudkan masyarakat yang menghormati, bertolak ansur dan bekerjasama dalam menangkis sebarang penyebaran fitnah, berita palsu, terutama apabila isu-isu yang menyentuh sensitiviti, perkauman serta agama.


8.0 KESIMPULAN

Perpaduan merupakan faktor penting dalam masyarakat berbilang agama, bangsa dan budaya seperti Malaysia. Rakyat haruslah beriltizam dan

bersatu hati untuk mendepani sebarang cabaran yang mendarat, yang mampu menggugat keharmonian serta kemakmuran negara. Perpaduan adalah diibaratkan sebagai tiang kepada kestabilan, keamanan dan kedamaian negara.

Pemahaman mengenai Maqasid Syariah dapat memandu manusia ke arah perpaduan dan kesatuan yang utuh kerana paksinya ialah ke-Esaan Allah SWT yang menjadi titik kesatuan paling utama dalam kalangan manusia.

Penghayatan terhadap Maqasid Syariah akan mewujudkan masyarakat Malaysia yang sentiasa memastikan keharmonian hidup pelbagai agama dan bangsa berlandaskan pengukuhan akhlak dan nilai-nilai murni.



10.0 RUJUKAN

Dr Taha Jabir Fayyad al-Awani. 2023 – Adab

Perbezaan Pendapat Dalam Islam. Jabatan
Kemajuan Islam Malaysia

Terjemahan Jabatan Peguam Negara,
Perlembagaan Persekutuan, 1 November
2010. Pesuruhjaya Penyemak Undang-
Undang Malaysia 2010.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia - Buku Keluarga
Malaysia, Keluarga Sejahtera 2022: Jabatan
Kemajuan Islam Malaysia

Junainah Idris, Siti Syuhada Abd Rahman, Azri Rizal
Md Razali - Pengaruh Maqasid Syariah

Terhadap Muamalat Pergaulan Usahawan Asnaf, Journal of Management & Muamalah, Vol.10, No. 1, 2020

Enizahura Abdul Aziz – Toleransi Berprinsip Menurut Kerangka Maqasid Shari'ah Dalam Interaksi Masyarakat Pelbagai Kaum dan Agama di Malaysia, Jurnal Dunia Pengurusan Vol. 2, No. 4, 19-26, 2020, Pusat Kajian Shariah, Undang-Undang dan Politik/ Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, Malaysia

Setiyawan Gunardi - Maqasid Syariah dan Aplikasinya Dalam Bermuamalah Antara Muslim dan Bukan Muslim, International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam Volume: 1

Muhamad Faisal Ashaari & Muhamad A'riff Khushairi. 2019. Isu-Isu Agama Dalam Hubungan Antara Kaum di Malaysia. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences 2(1): 87-98.

https://www.perpaduan.gov.my/images/document/penerbitan/Dasar_Perpaduan_Negara-1.pdf

<https://ecentral.my/malaysia-madani/>

<https://www.ipendidikan.my/cabaran-dalam-mengekalkan-perpaduan-kaum.html>

<https://dewanmasyarakat.jendeladb.my/2023/02/03/12171/>

<https://www.zulkiflihasan.com/2019/09/17/fiqh-al-taayush-dan-al-muwatanah-dalam-naratif-baharu-malaysia/>



Bahagian Maqasid Syariah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Aras 7, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 Putrajaya
03-88707000 / 88707720



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA